

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 MAC 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sampel tercemar racun serangga	Berita Harian
2	Keputusan analisis sampel keracunan makanan diketahui selasa ini	Utusan Malaysia
3	Gerhana matahari pertama abad ke-21 dinanti ahli astronomi	Berita Harian
4	Peristiwa tak beri impak besar kepada alam	Berita Harian

KES 41 INDIVIDU KERACUNAN MAKANAN

Sampel tercemar racun serangga

» Keputusan ujian Jabatan Kimia dijangka diperoleh esok

Oleh Norashikin Leman
dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Keputusan ujian Jabatan Kimia mengenai sampel makanan dipercayai tercemar racun serangga hingga menyebabkan 41 individu di Siputeh, Batu Gajah, dekat sini, keracunan termasuk empat kritikal sehingga semalam, dijangka diperoleh esok.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Inte-

grasi Nasional dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon, berkata sampel makanan yang dipercayai tercemar itu sudah dihantar ke Jabatan Kimia semalam untuk ujian.

“Kita juga sedang mengenal pasti sumber dan punca pencemaran itu daripada jenis makanan yang mana.

“Pemeriksaan awal mendapati kes keracunan berkenaan bukan hanya berpunca daripada satu jenis makanan sahaja, tetapi dipercayai membabitkan pelbagai jenis makanan yang dijual di gerai berkenaan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Hang Soon berkata, gerai makan terbabit menjual pelbagai jenis makanan seperti nasi lemak, kue-tiau dan kuih-muih termasuk yang ditempah dari luar serta dijual di situ.

Katanya, setakat jam 12 te-

ngah hari semalam, hanya tiga mangsa yang kritikal masih dirawat di wad kecemasan (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, manakala seorang lagi yang dirawat di wad sama sudah di-

“
Kes keracunan itu dipercayai membabitkan pelbagai jenis makanan yang dijual di gerai berkenaan”

Dr Mah Hang Soon,
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu negeri

benarkan keluar.

“Semua mangsa yang dirawat di ICU adalah wanita dan seorang lagi yang sebelum ini kritikal sudah dibenarkan keluar hospital.

Beransur pulih

“Lima lagi mangsa yang ditempatkan di wad di HRPB iaitu dua wanita dan tiga lelaki kini beransur pulih,” katanya.

Hang Soon berkata, seramai 24 mangsa lagi termasuk dua kanak-kanak masih dirawat di Hospital Batu Gajah (HBG) dan semua mereka beransur pulih, manakala seorang lagi mangsa yang ditempatkan di KPJ Ipoh juga menunjukkan perubahan positif.

Akhbar ini semalam melaporkan, seramai 30 wanita dan sembilan lelaki mengalami simptom keracunan makanan dipercayai berpunca daripada bahan kimia *Organophosphorus* iaitu racun serangga selepas membeli makanan di sebuah gerai di Siputeh, Batu Gajah, Khamis lalu.

Semua mereka dimasukkan ke HBG selepas mengalami simptom muntah, cirit-birit serta badan berpeluh selepas makan makanan dari gerai berkenaan, sebelum beberapa mangsa yang kritikal dipindahkan ke HRPB dan KPJ Ipoh untuk rawatan lanjut.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

Keputusan analisis sampel keracunan makanan diketahui Selasa ini

IPOH 6 Mac - Keputusan sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis kes keracunan makanan membabitkan 39 mangsa selepas bersarapan di sebuah gerai di Siputeh dekat Batu Gajah kelmarin, dijangka diketahui Selasa ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesi-

hatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Integrasi Nasional negeri, Datuk Dr. Mah Hang Soon (**gambar**) berkata, ketika ini, tiga wanita yang berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, menunjukkan tanda-tanda pemuli-

han sementara seorang pesakit lelaki dirawat di unit sama telah dibenarkan keluar.

"Di wad biasa HRPB, lima pesakit iaitu tiga lelaki dan dua perempuan masih menerima rawatan sementara seorang lagi ditempatkan di Hospital Pakar KPJ Ipoh.

"Sementara itu, bilangan pesakit yang berada di Hospital Batu Gajah masih tidak berubah iaitu sebanyak 24 orang setakat awal pagi ini," katanya di sini hari ini.

Siasatan awal keracunan berkenaan disyaki berpunca daripada makanan tersebut yang tercemar

dengan bahan kimia jenis organophosphate.

Sehubungan itu, kesemua mangsa yang terlibat dalam lingkungan umur antara dua hingga 71 tahun itu didapati mengalami gejala seperti muntah, cirit-birit, pening, kekelaruan dan berpeluh secara berlebihan.

